

**TINGKAH LAKU DEVIAN PELAJAR ETNIK
INDIA DI SEKOLAH MENENGAH DALAM
DAERAH KINTA, PERAK**

DHANABALAN A/L SANDRA SEGARAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**TINGKAH LAKU DEVIAN PELAJAR ETNIK
INDIA DI SEKOLAH MENENGAH DALAM
DAERAH KINTA, PERAK**

oleh

DHANABALAN A/L SANDRA SEGARAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemanusiaan**

September 2016

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan keizininannya, akhirnya saya berjaya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Kemanusiaan.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. P. Sundramoorthy, selaku penyelia projek sarjana ini. Di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat di sepanjang tempoh penulisan kajian ini, ia telah membuka ruang untuk saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Premalatha Karupiah, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan serta semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang pengajian saya. Tanpa kemurahan hati semua pensyarah yang terlibat, mungkin sukar bagi saya untuk mencapai ke tahap ini.

Selain pihak universiti, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, pengetua-pengetua sekolah yang terlibat serta guru-guru dan pelajar-pelajar yang telah memberikan kerjasama bagi dalam menjayakan penyediaan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada isteri kesayangan saya Malini Balasubramaniam yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan dalam penyediaan kajian ini. Beliau sentiasa memberi semangat pada ketika saya amat memerlukan dan memastikan saya menyempurnakan laporan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu, bapa, adik dan ahli keluarga

dalam memberi sokongan moral bagi mendorong saya untuk menyempurnakan kajian ini.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam usaha menyediakan laporan tesis ini. Selain itu, saya berharap agar maklumat yang saya peroleh ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan dan maklumat kepada pembaca khususnya penyelidik-penyelidik devian untuk mengetahui isu-isu devian yang timbul di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah khususnya pelajar etnik India.

Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH	xi
ABSTRAK.....	xii
ABSTRACT.....	xiv
BAB 1 - PENGENALAN	1
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Penyataan Masalah.....	3
1.3. Persoalan Kajian	6
1.4. Objektif Kajian.....	7
1.5. Skop Kajian.....	8
1.5.1. Faktor-Faktor Demografi Dalam Skop Kajian	8
1.5.2. Faktor Teladan Ibu Bapa/ Penjaga	9
1.5.3. Faktor Hubungan, Komitmen, Penglibatan dan Kepercayaan .	9
1.5.4. Tingkah Laku Devian Negatif	10
1.5.5. Faktor-Faktor Demografi Di Luar Skop Kajian	10
1.5.6. Faktor-Faktor Sosial Di Luar Skop Kajian.....	11
1.6. Definisi Terma/ Konsep	11
1.6.1. Tingkah Laku Devian Negatif	12
1.6.2. Tingkah Laku Devian Positif	12
1.6.3. Tingkah Laku Devian	12
1.6.4. Tingkah Laku Devian Ibu Bapa	12

1.6.5.	Teori Ikatan Sosial.....	13
1.6.6.	Teladan	13
1.6.7.	Hubungan	13
1.6.8.	Komitmen.....	14
1.6.9.	Penglibatan	14
1.6.10.	Kepercayaan	14
1.6.11.	Perspektif Verbal.....	15
1.6.12.	Perspektif Fizikal.....	15
1.6.13.	Perspektif Anti Sosial.....	15
1.6.14.	Ibu Bapa/ Penjaga.....	16
1.6.15.	Rakan Sebaya	16
1.6.16.	Guru.....	16
1.6.17.	Aktiviti Sekolah.....	16
1.6.18.	Aktiviti Sosial/ Kemasyarakatan	16
1.7.	Isu Etika	17
1.8.	Kesimpulan	17
BAB 2 -	ULASAN KARYA.....	18
2.1.	Pengenalan	18
2.2.	Definisi Tingkah Laku Devian.....	18
2.2.1.	Devian Bersifat Positif	18
2.2.2.	Devian Bersifat Negatif.....	20
2.3.	Perbezaan Tingkah Laku Devian dan Jenayah	21
2.4.	Tingkah Laku Devian dan Etnik.....	23
2.5.	Persekitaran Keluarga - Tingkah Laku Ibu Bapa.....	26
2.6.	Pengaruh Rakan Sebaya.....	33

2.7.	Persekitaran Struktur Sosioekonomi – Kemiskinan	41
2.8.	Perbezaan Gender dan Tingkah Laku Devian	44
2.9.	Teori Ikatan Sosial (<i>Social Bonding Theory</i>).....	48
2.9.1.	Elemen Hubungan (<i>attachment</i>).....	50
2.9.2.	Elemen Komitmen (<i>commitment</i>)	52
2.9.3.	Elemen Penglibatan (<i>involvement</i>).....	53
2.9.4.	Elemen Kepercayaan (<i>belief</i>)	54
2.9.5.	Kritikan.....	56
2.10.	Jurang Pengetahuan	58
2.11.	Kerangka Kajian	60
2.12.	Kesimpulan	62
BAB 3 - METODOLOGI PENYELIDIKAN		63
3.1.	Pengenalan	63
3.2.	Dimensi Masa Kajian (<i>Time Dimension</i>).....	63
3.3.	Lokasi Kajian	65
3.4.	Populasi Kajian	66
3.5.	Teknik Pensampelan dan Saiz Sampel	66
3.6.	Teknik Pengumpulan Data.....	70
3.6.1.	Borang Soal Selidik.....	71
3.6.2.	Temu Bual	72
3.7.	Instrumen Kajian.....	73
3.7.1.	Borang Soal Selidik.....	73
3.7.2.	Soalan Temu Bual	80
3.8.	Kajian Rintis	82
3.9.	Kesahihan (<i>validity</i>) Instrumen.....	84

3.10.	Analisis Kajian.....	84
3.10.1.	Kebolehpercayaan (<i>reliability</i>) Instrumen.....	85
3.10.2.	Analisa Dapatan Kajian.....	87
3.11.	Risiko dan Keterdedahan Responden	89
3.12.	Kesimpulan	90
BAB 4 -	KEPUTUSAN KAJIAN	91
4.1.	Pengenalan	91
4.2.	Maklum balas Instrumen Kajian.....	91
4.3.	Latar Belakang Responden dan Keluarga.....	92
4.3.1.	Taburan Responden Mengikut Tingkatan Dan Umur	93
4.3.2.	Taburan Responden Mengikut Gender.....	94
4.3.3.	Taburan Responden Mengikut Lokasi Rumah.....	94
4.3.4.	Taburan Status Perkahwinan dan Tinggal Bersama.....	95
4.3.5.	Taburan Mengikut Taraf Pendidikan Ibu Bapa/ Penjaga	96
4.3.6.	Taburan Mengikut Pendapatan Sebulan Ibu Bapa/ Penjaga ..	97
4.3.7.	Taburan Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa/ Penjaga	98
4.3.8.	Taburan Mengikut Masa Yang Diluangkan	100
4.3.9.	Taburan Mengikut Penglibatan Tingkah Laku Devian	101
4.3.10.	Taburan Penglibatan Aktiviti Devian Mengikut Gender	102
4.4.	Keputusan Temu Bual Guru Disiplin	105
4.5.	Keputusan Temu Bual Ibu Bapa/ Penjaga	110
4.6.	Menjawab Persoalan Kajian	113
4.6.1.	Keputusan PK1 : Pengaruh Teladan Ibu Bapa/ Penjaga	114
4.6.2.	Keputusan PK2 : Pengaruh Hubungan.....	122
4.6.3.	Keputusan PK3 : Pengaruh Komitmen Terhadap Sekolah ..	130

4.6.4.	Keputusan PK4 : Pengaruh Penglibatan Aktiviti Sosial	132
4.6.5.	Keputusan PK5 : Faktor Kepercayaan Agama/ Nilai Moral	138
4.7.	Kesimpulan	141
BAB 5 - PERBINCANGAN KAJIAN		142
5.1.	Pengenalan	142
5.2.	Perbincangan PK1 : Pengaruh Teladan Ibu Bapa/ Penjaga	142
5.3.	Perbincangan PK2 : Pengaruh Hubungan.....	148
5.4.	Perbincangan PK3 : Pengaruh Komitmen Terhadap Sekolah	153
5.5.	Perbincangan PK4 : Penglibatan Aktiviti Sosial/ Kemasyarakatan.....	155
5.6.	Perbincangan PK5 : Faktor Kepercayaan Agama Atau Nilai Moral	158
5.7.	Rumusan Perbincangan Secara Keseluruhan.....	161
5.8.	Kesimpulan	165
BAB 6 - KESIMPULAN		166
RUJUKAN		170
LAMPIRAN 1: Salinan Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri		191
LAMPIRAN 2: Salinan Surat Kelulusan JEP (Manusia)		193
LAMPIRAN 3: Borang Soal Selidik		196
LAMPIRAN 4: Soalan Temu Bual Guru Disiplin.....		208
LAMPIRAN 5: Soalan Temu Bual Ibu Bapa/ Penjaga		209
LAMPIRAN 6: Ringkasan Maklum Balas Temu Bual Guru		210
LAMPIRAN 7: Ringkasan Maklum Balas Temu Bual Ibu Bapa/ Penjaga		212

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1-1:	Kes Disiplin Pelajar Sekolah Menengah	4
Jadual 1-2 :	Ringkasan skop	11
Jadual 3-1:	Taburan pelajar etnik India mengikut sekolah	66
Jadual 3-2:	Jadual penetapan saiz sampel	68
Jadual 3-3:	Bilangan responden kajian mengikut sekolah	68
Jadual 3-4:	Item berdasarkan ciri-ciri tingkah laku	75
Jadual 3-5:	Item berdasarkan hubungan terhadap ibu bapa dan rakan	76
Jadual 3-6 :	Item berdasarkan penglibatan responden dengan sekolah	77
Jadual 3-7:	Item penglibatan aktiviti sosial dan kepercayaan agama	78
Jadual 3-8:	Item berdasarkan penglibatan terhadap tingkah laku devian	80
Jadual 3-9:	Item berhubung dengan perspektif guru disiplin.....	81
Jadual 3-10:	Item berhubung dengan perspektif ibu bapa/penjaga.....	82
Jadual 3-11:	Nilai Indeks <i>Cronbach's Alpha</i>	86
Jadual 3-12:	Kekuatan hubungan ujian <i>Cramer's V</i>	88
Jadual 4-1:	Bilangan responden yang memberi maklum balas.....	92
Jadual 4-2:	Taburan responden mengikut tingkatan dan umur	93
Jadual 4-3:	Taburan responden mengikut gender	94
Jadual 4-4:	Taburan responden mengikut lokasi rumah	95
Jadual 4-5:	Responden mengikut status perkahwinan dan tinggal bersama	96
Jadual 4-6:	Taburan mengikut taraf pendidikan ibu bapa/ penjaga	97
Jadual 4-7:	Taburan mengikut pendapatan sebulan	98
Jadual 4-8:	Taburan mengikut pekerjaan ibu bapa/ penjaga.....	99
Jadual 4-9:	Taburan mengikut masa yang diluangkan oleh responden	100

Jadual 4-10:	Penglibatan tingkah laku devian responden dan rakan	102
Jadual 4-11:	Tingkah laku devian mengikut gender	104
Jadual 4-12:	Kategori tingkah laku devian mengikut gender	105
Jadual 4-13:	Perspektif verbal ibu bapa/ penjaga	115
Jadual 4-14:	Perspektif fizikal ibu bapa/ penjaga	117
Jadual 4-15:	Tingkah laku devian ibu bapa/ penjaga.....	118
Jadual 4-16:	Perspektif anti sosial ibu bapa/ penjaga	119
Jadual 4-17:	Teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa/ penjaga.....	121
Jadual 4-18:	Korelasi teladan ibu bapa dan tingkah laku devian.....	122
Jadual 4-19:	Hubungan ibu bapa dan tingkah laku devian responden.....	124
Jadual 4-20:	Hubungan rakan dan tingkah laku devian responden.....	126
Jadual 4-21:	Hubungan guru dan tingkah laku devian responden	127
Jadual 4-22:	Hubungan ibu bapa, rakan dan guru secara keseluruhan	129
Jadual 4-23:	Korelasi hubungan dan tingkah laku devian	130
Jadual 4-24:	Komitmen dan tingkah laku devian responden	131
Jadual 4-25:	Korelasi komitmen dan tingkah laku devian.....	132
Jadual 4-26:	Penglibatan aktiviti sekolah dan tingkah laku devian	134
Jadual 4-27:	Penglibatan aktiviti sosial dan tingkah laku devian	135
Jadual 4-28:	Penglibatan responden dan tingkah laku devian	137
Jadual 4-29:	Korelasi penglibatan dan tingkah laku devian	138
Jadual 4-30:	Kepercayaan agama/ moral dan tingkah laku devian.....	140
Jadual 4-31:	Korelasi kepercayaan dan tingkah laku devian	140

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1-1 :	Arah aliran (<i>trend</i>) kes devian etnik India Negeri Perak	3
Rajah 2-1:	Elemen Teori Ikatan Sosial	49
Rajah 2-2:	Kerangka kajian	62
Rajah 5-1:	Hubungan teladan dan tingkah laku devian	147
Rajah 5-2:	Faktor hubungan dan tingkah laku devian	153
Rajah 5-3:	Komitmen dan tingkah laku devian	155
Rajah 5-4 :	Penglibatan dan tingkah laku devian.....	158
Rajah 5-5:	Hubungan kepercayaan dan tingkah laku devian.....	160
Rajah 5-6 :	Ringkasan keseluruhan pemboleh ubah	164

TINGKAH LAKU DEVIAN PELAJAR ETNIK INDIA DI SEKOLAH MENENGAH DALAM DAERAH KINTA, PERAK

ABSTRAK

Statistik menunjukkan peningkatan kes pelajar etnik India dalam aktiviti devian secara drastik di negeri Perak dari tahun 2010 hingga 2012. Pelajar etnik India yang bermasalah disiplin adalah sebanyak 21.3% berbanding dengan 14.2% populasi keseluruhan etnik India bersamaan dengan nisbah satu (1) pelajar bermasalah disiplin bagi setiap sembilan (9) orang pelajar etnik India. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan teori ikatan sosial sebagai panduan untuk mengenal pasti faktor sosial yang menjadi penyumbang kepada penglibatan remaja etnik India dalam aktiviti devian. Objektif kajian ini adalah untuk memahami faktor-faktor sosial yang boleh mempengaruhi seseorang pelajar etnik India untuk bertingkah laku devian. Antara faktor yang diteliti adalah faktor teladan ibu bapa/ penjaga, faktor hubungan responden dengan ibu bapa, rakan dan guru, faktor komitmen terhadap sekolah, faktor penglibatan terhadap aktiviti sosial/ kemasyarakatan dan faktor kepercayaan terhadap agama/ nilai moral. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan teknik pensampelan tujuan (*purposive sampling*) dengan menggunakan kaedah pengumpulan sampel melalui borang soal selidik kepada pelajar dan sesi temu bual terhadap ibu bapa/ penjaga dan guru disiplin. Selain itu, penyelidik menggunakan kaedah kajian keratan lintang secara kuantitatif. Daripada 65 buah sekolah menengah di daerah Kinta, Perak, penyelidik telah memilih 9 buah sekolah menengah harian. Responden kajian yang terlibat adalah n=301 responden etnik India dan daripada jumlah tersebut seramai 158 (52.5%) responden dilaporkan tidak terlibat dengan perlakuan devian. Manakala

seramai 143 (47.5%) responden adalah dari kalangan yang terlibat dengan perlakuan devian. Seramai 20 orang ibu bapa dan 9 orang guru disiplin juga merupakan responden kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan, perlakuan pelajar etnik India amat dipengaruhi oleh teladan ibu bapa/ penjaga berbanding faktor hubungan, komitmen, penglibatan dan kepercayaan. Perkara ini dapat dilihat melalui penemuan korelasi *Cramer's V* yang menunjukkan bahawa faktor teladan mempunyai nilai korelasi sederhana $V=0.300$. Manakala selebihnya mempunyai nilai korelasi yang lemah iaitu penglibatan $V=0.226$, kepercayaan $V=0.208$, komitmen $V=0.153$ dan nilai korelasi yang sangat lemah bagi faktor hubungan $V=0.140$. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa teori ikatan sosial kurang sesuai untuk digunakan sebagai elemen kawalan sosial terhadap responden etnik India dari terlibat dalam aktiviti devian di negeri Perak khususnya di daerah Kinta.

DEVIANT BEHAVIOR AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS OF INDIAN ETHNICITY IN KINTA DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

Statistics shows a drastic increase in cases of Indian ethnic students involved in deviant acts from the year 2010 to 2012. Indian ethnic students who are deviant or problematic are 21.3% compared to 14.2% of the total population of Indian ethnic students which is equivalent to a ratio of one (1) student with disciplinary problems out of nine (9) Indian students. For the purpose of this study, the researcher used the social control theory as a guideline to identify the social factors that contribute to the involvement of young Indians in deviant activities. The objective of this study is to identify the social factors that can influence the Indian students which cause them to exhibit deviant behavior. Among the factors that have been observed are taking parents/ guardians as role models, the relationship attachments with parents, friends and teachers, commitment towards school, involvement in social/ community activities and belief in religious/ moral values. For the purpose of this study, the researcher used purposive sampling technique in which samples are collected through questionnaires and interview with parents/ guardians and disciplinary teachers. The researcher also used quantitative cross-sectional method. Out of 65 secondary schools in Kinta, Perak, the researcher selected 9 secondary day schools. The study sample is $n = 301$ Indian respondents, of which a total of 158 (52.5%) respondents are not involved with deviant behavior. While 143 (47.5%) respondents are from among those who are involved with deviant behavior. In addition, 20 parents and 9 disciplinary teachers participated as respondents for this research. The findings showed that the behavior of Indian ethnic students are

strongly influenced by the examples set by parents/ guardian compared to relationship attachments, commitments and beliefs. This has been shown by the Cramer's V correlation results which shows that the exemplary factor has a moderate correlation value $V = 0.300$. While the rest have weak correlation values; involvement $V=0.226$, belief $V=0.208$, commitment $V=0.153$ and a very weak correlation value for relationship attachments $V=0.140$. The researcher is of the opinion that social control theory is less applicable to be used as a social control element that can prevent Indian ethnic students from involving in deviant activities in the state of Perak especially in Kinta district.

BAB 1 - PENGENALAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Peningkatan kes tingkah laku devian di dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan pemimpin negara tetapi ibu bapa yang anaknya masih di alam persekolahan (Lan, Abdullah, & Roslan, 2010; Nasir, Zamani, Yusoooff, & Khairudin, 2010). Secara tidak langsung keadaan ini memberi impak terhadap kepercayaan dan kredibiliti institusi sekolah yang berperanan sebagai agen kawalan sosial di dalam membentuk pelajar yang bermoral tinggi dan bertingkah laku baik (Yahaya & Baharom, 2006).


Beberapa penyelidik telah meletakkan beberapa tafsiran bagi tingkah laku sedemikian. Tingkah laku devian adalah tingkah laku yang melanggar peraturan norma sosial dan sesuatu tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat (Holstein, 2009). Bagi tingkah laku yang melanggar peraturan-peraturan yang membabitkan akta-akta yang telah digubal di Parlimen (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2009) dan yang mempunyai hukuman bagi peraturan yang dilanggar akan ditafsirkan sebagai tingkah laku jenayah (Czabanski, 2008). Tingkah laku jenayah berbeza berbanding dengan tingkah laku devian kerana tingkah laku devian tidak melibatkan sabitan kes mahkamah yang menjatuhkan hukuman (Fulcher & Scott, 2003).

Remaja merupakan suatu populasi masyarakat yang tinggi bilangannya berbanding dengan kumpulan populasi yang lain iaitu membawa jumlah seramai 12.4 juta orang (Wan Abd. Raof, 2011). Merujuk kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, remaja / belia didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di antara 15 - 40 tahun (Parlimen Malaysia, 2007). Walau bagaimanapun dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti melalui Dasar Pembangunan

Belia Negara, remaja tertumpu kepada belia/ remaja yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun (The United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP), 2002). Manakala definisi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-kanak 2001 ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, 2006).

Mengikut definisi *United Nation(UN)*, remaja adalah seseorang yang berumur di kalangan 19 hingga 24 dan definisi remaja muda oleh *United Nations Children's Fund(UNICEF)* adalah mereka yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun (Groce, 2004). Mengikut sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk tahun 2010 menunjukkan bahawa, seramai 11.1 juta daripada 28.3 juta penduduk adalah terdiri daripada golongan penduduk yang berumur di antara 5 hingga 24 tahun. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa sebahagian golongan penduduk yang berumur 5 hingga 24 tahun adalah terdiri dari pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah (Wan Abd. Raof, 2011).

Berdasarkan kepada definisi tingkah laku devian dan lingkungan umur belia/ remaja, penyelidik mendapati banyak kes tingkah laku devian dan jenayah yang dilaporkan adalah melibatkan pelajar sekolah (Ismail, Rahim, & Yusoff, 2013; Lim, Hasbullah, Ahmad, & Wu, 2013; Nasir, Zamani, Yusoooff, et al., 2010). Berikut adalah statistik yang menunjukkan peningkatan secara drastik kes pelajar etnik India dalam aktiviti devian di Negeri Perak dari tahun 2010 hingga 2012 seperti di Rajah 1-1, (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013).



Rajah 1-1 : Arah aliran (*trend*) kes devian etnik India Negeri Perak

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Peningkatan sebanyak 62.6% dari tahun 2010 hingga ke 2012 adalah menunjukkan satu peningkatan yang amat membimbangkan. Merujuk kepada data statistik di Rajah 1-1, penyelidik telah berhasrat untuk mengkaji lebih mendalam untuk mengetahui apakah elemen-elemen sosial yang akan mempengaruhi tingkah laku devian remaja etnik India.

1.2. Penyataan Masalah

Pelbagai kajian mengenai tingkah laku devian telah dibuat dan keadaan ini menggambarkan betapa seriusnya gejala sosial di kalangan remaja masa kini (Ghani, Abdullah, Akil, & Nordin, 2014; Lim et al., 2013; Nasir & Ghani, 2014). Walaupun pelbagai tindakan untuk membendung masalah ini telah diambil untuk mengelakkannya dari terus meningkat, namun didapati masalah kesalahan devian

masih tidak berkurangan sehingga ke hari ini (Ismail et al., 2013). Hasil analisis ke atas data yang diperoleh dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak mendapati bahawa, nisbah kes disiplin/ tingkah laku devian yang dilakukan oleh pelajar etnik India di daerah Kinta, Perak adalah tertinggi berbanding pelajar-pelajar etnik lain. Jadual 1-1 menunjukkan kes disiplin pelajar Sekolah Menengah daerah Kinta mengikut etnik pada tahun 2010.

Jadual 1-1: Kes Disiplin Pelajar Sekolah Menengah

ETNIK	ENROLMEN PELAJAR		% POPULASI [A/ΣA x 100%]	PELAJAR BERMASALAH [B]	% PELAJAR BERMASALAH [B/ΣB x 100%]	NISBAH	
	JANTINA	JUMLAH [A]					
Melayu	L	16 347	32 883	44.6%	2 525	46.8%	1 : 13
	P	16 536					
Cina	L	14 979	29 902	40.5%	1 697	31.4%	1 :18
	P	14 923					
India	L	5 122	10 496	14.2%	1 151	21.3%	1 : 9
	P	5 374					
Lain- Lain	L	236	470	0.7%	25	0.5%	1 : 19
	P	234					
JUMLAH			73 751	100%	5 398	100%	1 : 14

L = Lelaki P=Perempuan

* Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Merujuk kepada Jadual 1-1, penyelidik mendapati peratus pelajar bermasalah oleh pelajar etnik Melayu adalah sebanyak 46.8% berbanding dengan 44.6% populasi keseluruhan etnik Melayu bersamaan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 13 orang pelajar etnik Melayu. Pelajar etnik Cina yang bermasalah pula adalah sebanyak 31.4% berbanding dengan 40.5% daripada populasi keseluruhan etnik Cina bersamaan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 18 orang pelajar etnik Cina. Manakala pelajar etnik India yang bermasalah adalah sebanyak 21.3% berbanding

dengan 14.2% populasi keseluruhan etnik India bersamaan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 9 orang pelajar etnik India. Lain-lain etnik pula mempunyai sebanyak 0.5% pelajar bermasalah berbanding dengan populasi keseluruhan sebanyak 0.7% bersamaan nisbah 1 pelajar bermasalah disiplin bagi setiap 19 orang pelajar lain-lain etnik. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan pelajar etnik lain, di dapati pelajar etnik India mempunyai peratus pelajar bermasalah yang lebih tinggi berbanding dengan peratus keseluruhan populasi pelajar etnik India yang disokong dengan nisbah yang menunjukkan lebih ramai pelajar etnik India terlibat dengan aktiviti devian berbanding etnik lain.

Fenomena kes tingkah laku devian yang tinggi ini amat membimbangkan semua pihak terutamanya ibu bapa (Ismail et al., 2013). Selain dari itu, dengan bilangan pelajar yang rendah dan bilangan kes tingkah laku devian yang tinggi menyebabkan perkara ini menjadi suatu kebimbangan bagi badan-badan NGO etnik India (Sidhu, 2005). Laporan Sidhu (2005) menunjukkan seramai 316 (45%) remaja etnik India telah ditempatkan di Pusat Pemulihan Sim pang Renggam, Johor bagi penglibatan kes jenayah serius. Manakala bagi kes yang melibatkan aktiviti gengsterisme, 92 daripada 285 kumpulan samseng yang direkodkan pada tahun 2003 adalah kumpulan dari etnik India dan penglibatan remaja etnik India merupakan penyumbang kedua tertinggi.

Berdasarkan statistik penglibatan remaja etnik India dalam aktiviti tingkah laku devian atau jenayah, suatu tindakan mengawal peratusan kes tingkah laku devian di kalangan remaja etnik India dirasakan amat perlu bagi membendung peningkatan pada masa-masa akan datang. Banyak kajian-kajian mengenai tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah telah dilakukan (Abdullah Azlina, 2010). Tetapi kajian yang memfokuskan kepada jenis tingkah laku devian dan faktor yang

menyumbang kepada tingkah laku tersebut khususnya di kalangan pelajar etnik India tidak begitu jelas maklumatnya.

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti apakah faktor-faktor sosial yang mempengaruhi atau menyumbang kepada tingkah laku devian. Penyelidik akan berpandukan kajian ini berdasarkan kepada faktor sosial yang dinyatakan dalam teori ikatan sosial sebagai panduan.

1.3. Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik mengemukakan lima persoalan kajian (PK) seperti berikut:

a) PK 1:

Apakah teladan ibu bapa/ penjaga boleh mempengaruhi pelajar etnik India untuk bertingkah laku devian?

b) PK 2:

Apakah hubungan ibu bapa, rakan dan guru boleh mempengaruhi pelajar etnik India untuk bertingkah laku devian?

c) PK 3:

Adakah komitmen pelajar etnik India terhadap sekolah boleh mempengaruhi untuk bertingkah laku devian?

d) PK 4:

Apakah penglibatan pelajar etnik India terhadap aktiviti sekolah atau sosial/ kemasyarakatan boleh mempengaruhi untuk bertingkah laku devian?

e) PK 5:

Sejauh manakah kepercayaan pelajar etnik India terhadap agama/ nilai moral mempengaruhi untuk bertingkah laku devian?

1.4. Objektif Kajian

Berikut adalah objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik bagi tujuan menjawab persoalan kajian:

- a) Untuk mengenal pasti sama ada teladan ibu bapa/ penjaga boleh atau tidak boleh mempengaruhi pelajar etnik India bertingkah laku devian.
- b) Untuk mengenal pasti sama ada hubungan di antara ibu bapa, rakan dan guru boleh atau tidak boleh mempengaruhi pelajar etnik India bertingkah laku devian.
- c) Untuk mengenal pasti sama ada komitmen terhadap sekolah boleh atau tidak boleh mempengaruhi pelajar etnik India bertingkah laku devian.
- d) Untuk mengenal pasti sama ada penglibatan terhadap aktiviti sosial/ kemasyarakatan boleh atau tidak boleh mempengaruhi pelajar etnik India bertingkah laku devian.

- e) Untuk mengenal pasti sama ada kepercayaan terhadap agama/ nilai moral boleh atau tidak boleh mempengaruhi pelajar etnik India bertingkah laku devian.

1.5. Skop Kajian

Skop kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor sosial yang dikemukakan oleh Hirschi (2001) yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah menengah untuk bertingkah laku devian. Kajian ini juga akan cuba menghurai faktor-faktor sosial yang boleh mempengaruhi seseorang pelajar untuk tidak berkelakuan devian.

Penyelidik akan menumpukan kajiannya berdasarkan kepada faktor-faktor sosial dan tidak akan mengkaji faktor bukan skop kajian seperti di Jadual 1-2. Penyelidik berpendapat, faktor-faktor yang bukan skop kajian boleh digunakan untuk kajian masa hadapan. Berikut adalah faktor-faktor yang akan dikaji dan tidak akan dikaji:

1.5.1. Faktor-Faktor Demografi Dalam Skop Kajian

Merujuk kepada tajuk kajian, penyelidik telah membuat keputusan berdasarkan pengetahuan sedia ada untuk memilih faktor-faktor seperti, gender, lokasi daerah Kinta, Tingkatan 1 hingga 5 dan etnik India untuk kajian selanjutnya. Penyelidik berpendapat, faktor-faktor demografi yang dipilih adalah menepati kehendak tajuk kajian ini. Selain itu, pemilihan faktor demografi yang tepat akan membantu penyelidik dalam memfokuskan kajiannya agar ia menepati kehendak kajian.

1.5.2. Faktor Teladan Ibu Bapa/ Penjaga

Ibu bapa/ penjaga sering menjadi teladan (*role model*) kepada pelajar sekolah. De Vries, Engels, Kremers, Wetzels, and Mudde (2003) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar sering cuba mengikut jejak ibu bapa/ penjaga mereka dalam membentuk peribadi mereka. Selain itu, pengaruh ibu bapa/ penjaga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan perwatakan seseorang pelajar (Ewing et al., 2015). Berdasarkan kepada ulasan karya-karya yang terdahulu, tingkah laku ibu bapa/penjaga merupakan satu faktor yang amat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar untuk terlibat dengan aktiviti devian mereka (Grant, 2000; Kuntsche & Kuendig, 2006; Latendresse et al., 2008; Mason & Spoth, 2012; S. M. Miller, Siegel, Hohman, & Crano, 2013; Ohannessian, 2012; Rangarajan & Kelly, 2006). Oleh yang demikian dengan pengetahuan sedia ada dan dapatan ulasan kajian, penyelidik memilih faktor teladan untuk kajian selanjutnya bagi melihat sejauh manakah teladan mempengaruhi tingkah laku pelajar untuk berkelakuan devian.

1.5.3. Faktor Hubungan, Komitmen, Penglibatan dan Kepercayaan

Faktor hubungan, komitmen, penglibatan dan kepercayaan merupakan sebahagian daripada elemen-elemen yang wujud di dalam teori ikatan sosial. Hirschi (2001) dalam ulasannya menyatakan bahawa keempat-empat elemen tersebut boleh mempengaruhi seseorang untuk berkelakuan devian. Beliau memaklumkan bahawa kelemahan salah satu elemen iaitu elemen hubungan, elemen komitmen, elemen penglibatan dan elemen kepercayaan boleh menyebabkan seseorang individu terlibat dengan aktiviti devian. Elemen-elemen tersebut membentuk suatu halangan sosial dan sekali gus mengelakkan seseorang dari melakukan perbuatan yang melanggar norma

masyarakat setempat (Akers & Sellers, 2008; Hirschi, 2001). Berdasarkan kepada semakan ulasan karya berhubung teori ikatan sosial, penyelidik berpendapat bahawa faktor hubungan, komitmen, penglibatan dan kepercayaan adalah faktor-faktor yang sesuai dipertimbangkan untuk kajian selanjutnya.

1.5.4. Tingkah Laku Devian Negatif

Secara dasarnya, terma devian merujuk kepada sesuatu tindakan yang di luar norma masyarakat setempat atau norma sesuatu keadaan (A. Heckert & Heckert, 2002; Tittle & Paternoster, 2000). Devian terbahagi kepada dua kategori iaitu devian positif dan devian negatif (A. Heckert & Heckert, 2002). Tingkah laku devian yang bersifat positif dipandang oleh masyarakat sebagai suatu tingkah laku positif manakala devian negatif pula ia adalah tingkah laku yang memberi kesan negatif kepada masyarakat. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik memilih tingkah laku devian yang bersifat negatif sebagai faktor yang akan dipertimbangkan untuk kajian selanjutnya. Hasil dari rujukan Data Sistem Salah Laku Disiplin Murid terbitan Unit Hal Ehwal Murid (2010), tingkah laku devian negatif di peringkat sekolah merangkumi aspek kekemasan diri, kenakalan, kurang sopan, ponteng, tidak jujur, tidak pentingkan masa, tingkah laku jenayah, tingkah laku lucu dan tingkah laku musnah. Oleh yang demikian, penyelidik dalam kajiannya akan melihat aspek tingkah laku devian pelajar dan terhad kepada kategori devian yang wujud di dalam Data Sistem Salah Laku Disiplin Murid.

1.5.5. Faktor-Faktor Demografi Di Luar Skop Kajian

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dibuat, penyelidik membuat keputusan untuk tidak memilih faktor etnik selain dari etnik India dan faktor daerah

selain dari daerah Kinta dalam kajiannya. Ini adalah kerana kedua-dua faktor tersebut tidak menepati dengan keperluan tajuk kajian.

1.5.6. Faktor-Faktor Sosial Di Luar Skop Kajian

Berdasarkan kepada tajuk kajian, penyelidik membuat keputusan untuk tidak memilih faktor-faktor seperti faktor kemiskinan, faktor tingkah laku devian positif dan faktor tingkah laku jenayah sebagai faktor untuk kajian selanjutnya. Ini adalah kerana, penyelidik berpendapat bahawa faktor-faktor tersebut tidak selaras dengan kehendak tajuk kajian.

Jadual 1-2 : Ringkasan skop

BIL.	FAKTOR	
1.	Gender	Skop Kajian Faktor demografi yang dipilih untuk kajian
2.	Daerah Kinta	
3.	Tingkatan 1 hingga 5	
4.	Etnik India	
5.	Teladan ibu bapa/ penjaga	Skop Kajian Faktor sosial yang dipilih untuk kajian
6.	Hubungan	
7.	Komitmen	
8.	Penglibatan	
9.	Kepercayaan	
10.	Tingkah laku devian negatif	
11.	Selain dari etnik India	Bukan Skop Kajian Faktor demografi yang tidak dipilih untuk kajian.
12.	Selain daerah Kinta	
13.	Kemiskinan	Bukan Skop Kajian Faktor sosial yang tidak dipilih untuk kajian.
14.	Tingkah laku devian positif	
15.	Tingkah laku jenayah	

1.6. Definisi Terma/ Konsep

Bahagian ini akan mentakrifkan beberapa terma/ konsep yang sering digunakan di dalam tesis mengikut konteks kajian ini.

1.6.1. Tingkah Laku Devian Negatif

Suatu tindakan yang tidak diterima oleh sekumpulan masyarakat atau kumpulan-kumpulan tertentu yang menganggap ia sebagai tindakan di luar norma (Tittle & Paternoster, 2000). Merujuk kepada perlakuan yang melanggar nilai moral atau kepercayaan sesuatu masyarakat (Spreitzer & Sonenshein, 2004).

1.6.2. Tingkah Laku Devian Positif

Devian positif adalah suatu perlakuan yang dinilai atau di ambil kira secara pandangan positif (A. Heckert & Heckert, 2002). Ia merupakan suatu tingkah laku yang bersifat baik dan dibuat melepasi kemampuan norma seseorang (D. M. Heckert, 1985).

1.6.3. Tingkah Laku Devian

Sesuatu perlakuan atau tingkah laku responden yang memberi kesan negatif kepada masyarakat. Bagi tujuan kajian ini, ia terhad kepada 9 kategori tingkah laku devian yang telah tersenarai dalam Data Sistem Salah Laku Disiplin Murid terbitan Unit Hal Ehwal Murid (2010)

1.6.4. Tingkah Laku Devian Ibu Bapa

Seseorang ibu bapa/ penjaga yang berkelakuan devian atau negatif. Ia termasuk perbuatan-perbuatan seperti menghisap rokok, bergaduh, mencuri, meminum minuman beralkohol atau terlibat dalam apa-apa bentuk perbuatan yang boleh diklasifikasikan sebagai perbuatan yang melanggar norma masyarakat secara negatif.

1.6.5. Teori Ikatan Sosial

Diperkenalkan oleh Hirschi (2001). Teori ikatan sosial merangkumi empat elemen iaitu hubungan (*attachment*) terhadap keluarga, komitmen (*commitment*) terhadap rancangan masa depan, penglibatan (*involvement*) dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kepercayaan (*belief*) terhadap nilai-nilai moral masyarakat. Semakin kukuh elemen ikatan sosial seseorang terhadap masyarakat sekeliling, semakin terhalang seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti devian. Teori ini digunakan oleh penyelidik sebagai panduan untuk menjawab persoalan kajian.

1.6.6. Teladan

Sesuatu tingkah laku atau perbuatan ibu bapa/ penjaga yang boleh dicontohi atau mempengaruhi seseorang remaja.

1.6.7. Hubungan

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi ke-4, hubungan ialah kaitan, pertalian dan sangkut paut. Dalam konteks kajian ini, hubungan yang dirujuk adalah hubungan di antara remaja dan ibu bapa, hubungan di antara remaja dan rakan serta hubungan di antara remaja dan guru. Merupakan salah satu elemen di dalam teori ikatan sosial yang diperkenalkan oleh Hirschi (2001).

1.6.8. Komitmen

Dalam konteks kajian ini, komitmen dirujuk sebagai komitmen responden terhadap sekolah. Ini merangkumi perkara seperti menyiapkan kerja rumah, sentiasa hadir sekolah, mematuhi peraturan sekolah dan lain-lain perkara yang seumpamanya. Merupakan salah satu elemen di dalam teori ikatan sosial yang diperkenalkan oleh Hirschi (2001).

1.6.9. Penglibatan

Berdasarkan kepada konteks kajian ini, penglibatan merujuk kepada penglibatan responden terhadap aktiviti/ program sekolah dan program kemasyarakatan. Contoh aktiviti sekolah adalah seperti mengambil bahagian di dalam sukan sekolah, menyertai persatuan di sekolah, menghadiri program motivasi dan sebagainya. Manakala program kemasyarakatan adalah seperti melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong di luar sekolah, menyertai persatuan belia di kawasan perumahan responden, aktiviti perkhemahan dan sebagainya. Elemen penglibatan juga merupakan salah satu elemen di dalam teori ikatan sosial yang diperkenalkan oleh Hirschi (2001).

1.6.10. Kepercayaan

Berdasarkan kepada konteks kajian ini, kepercayaan merujuk kepada kepercayaan responden terhadap nilai keagamaan dan moral. Ia merangkumi aspek-aspek seperti menghadiri kelas agama, melawat rumah ibadat, mematuhi ajaran agama, percaya bahawa peraturan merupakan sesuatu yang adil dan lain-lain aspek yang

seumpamanya. Elemen kepercayaan merupakan salah satu elemen di dalam teori ikatan sosial yang diperkenalkan oleh Hirschi (2001).

1.6.11. Perspektif Verbal

Suatu perbuatan ibu bapa/ penjaga yang berbentuk verbal. Boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penggunaan verbal tanpa kekasaran dan penggunaan verbal secara kasar. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan mengkaji penggunaan verbal secara kasar. Ia merangkumi perbuatan marah, bertutur secara kasar, bertutur menggunakan perkataan kesat atau apa-apa bentuk pertuturan yang boleh menyinggung perasaan seseorang.

1.6.12. Perspektif Fizikal

Suatu perbuatan ibu bapa/ penjaga yang berbentuk fizikal. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan melihat perlakuan fizikal yang berbentuk keterlaluan. Ia merangkumi perbuatan seperti menendang, menampar, menarik rambut atau apa-apa perbuatan yang boleh mencedera seseorang.

1.6.13. Perspektif Anti Sosial

Seseorang ibu bapa/ penjaga yang berkelakuan anti sosial. Perlakuan anti sosial dimaksudkan sebagai sesuatu kelakuan yang tidak bertanggungjawab, tidak boleh dipercayai, tidak berkeupayaan untuk berasa bersalah, manipulatif, tidak bercampur dengan masyarakat dan impulsif (American Psychiatric Association, 2000).

1.6.14. Ibu Bapa/ Penjaga

Ibu bapa dalam konteks kajian ini adalah ibu bapa kandung responden. Manakala penjaga adalah selain dari ibu bapa responden iaitu datuk, nenek, saudara-mara atau rakan responden.

1.6.15. Rakan Sebaya

Rakan sebaya adalah rakan responden di sekolah atau selain dari rakan sekolah.

1.6.16. Guru

Guru disiplin atau mana-mana guru yang bertanggungjawab terhadap disiplin pelajar yang berkhidmat di sekolah responden.

1.6.17. Aktiviti Sekolah

Semua aktiviti-aktiviti kokurikulum yang berlangsung di sekolah responden.

1.6.18. Aktiviti Sosial/ Kemasyarakatan

Semua aktiviti-aktiviti selain dari aktiviti sekolah yang bersifat sosial atau kemasyarakatan (contoh: hadir kelas agama, gotong royong, hadir aktiviti anjuran NGO, hadir kenduri, melibatkan diri dalam NGO dan lain-lain aktiviti).

1.7. Isu Etika

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan isu etika. Kajian-kajian yang melibatkan penyentuhan aspek keperibadian responden yang mana ia menyentuh hak asasi manusia perlulah mengambil langkah-langkah menjaga hak asasi responden tersebut (Lawrence, 2011; Neuman, 2006).

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan kajian ini tidak menyentuh aspek-aspek hak asasi manusia dengan mendapat kelulusan etika dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan (Manusia) Universiti Sains Malaysia (JEP) dan memberi jaminan bahawa segala maklumat peribadi serta maklumat hasil pengumpulan data responden akan dirahsiakan (rujuk Lampiran 2). Selain itu, pengkaji juga memberi jaminan bahawa data yang di kumpul melalui borang soal selidik dan temu bual bersama responden akan hanya digunakan bagi tujuan kajian ini sahaja.

1.8. Kesimpulan

Melalui bahagian pengenalan ini, penyelidik telah menerangkan latar belakang kajian dan merungkaikan pernyataan kajian serta keperluan kajian ini dilaksanakan. Bagi memenuhi keperluan kajian, penyelidik telah mengutarakan beberapa persoalan kajian dan dengan harapan jawapan yang bakal diperoleh boleh mencapai objektif kajian ini. Selain itu, penyelidik juga telah menyediakan definisi terma/ konsep untuk tujuan penjelasan dan menetapkan skop kajian agar ia dapat memberi fokus kepada penyelidik sewaktu melaksanakan kajiannya. Untuk memenuhi kehendak kajian, penyelidik akan membuat beberapa analisis terhadap beberapa ulasan karya-karya terdahulu di bahagian seterusnya.

BAB 2 - ULASAN KARYA

2.1. Pengenalan

Bahagian ini akan merujuk penulisan dan juga kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tingkah laku devian, faktor-faktor yang terlibat dan teori yang bersesuaian dengan kajian ini. Ia akan membantu penyelidik dalam pembentukan kerangka konsep kajian bagi mengkaji faktor-faktor yang terlibat dalam menjawab persoalan kajian. Selain itu, bahagian ini akan membantu penyelidik untuk lebih memahami aspek-aspek yang berkaitan dengan permasalahan pelajar etnik India.

2.2. Definisi Tingkah Laku Devian

Ramai pengkaji-pengkaji lampau telah merungkai maksud tingkah laku devian ini. Tingkah laku devian boleh berlaku dan ditunjuk , tanpa mengira usia, jantina, lokasi atau persekitaran. Tingkah laku devian juga di nyatakan sebagai tingkah laku yang melanggar sesuatu norma atau di labelkan sebagai tindakan negatif (A. Heckert & Heckert, 2002). Secara umumnya ia dirujuk sebagai suatu tindakan yang tidak diterima oleh sekumpulan masyarakat atau kumpulan-kumpulan tertentu yang menganggap ia sebagai tindakan di luar norma (Tittle & Paternoster, 2000). Tingkah laku yang melanggar nilai moral atau kepercayaan sesuatu masyarakat juga di anggapkan sebagai tingkah laku devian (Spreitzer & Sonenshein, 2004).

2.2.1. Devian Bersifat Positif

Tingkah laku devian sering kali di kaitkan dengan elemen negatif di mana ia membawa maksud sesuatu tingkah laku yang melanggar sesuatu norma secara

pandangan negatif (Doskey, Mazzuchi, & Sarkani, 2013; Sutherland, 2013). Perwujudan konsep tingkah laku devian membawa maksud kepada suatu tindakan yang dilakukan dalam cara yang mulia dengan harapan baik di mana ia akan berbeza dengan norma sesuatu kumpulan (Elangovan & Shapiro, 1998).

Heckert dan Heckert (2002) menyifatkan devian positif ini sebagai suatu tingkah laku yang dinilai atau di ambil kira secara pandangan positif. Sebagai contoh, sekiranya seseorang remaja telah berjaya memasuki ke universiti untuk menyambung belajar dan remaja ini berasal dari sebuah kampung yang selama 3 generasi tidak pernah memasuki universiti di anggapkan sebagai suatu devian positif. Ewald dan Jiobu (1985) pula menyatakan bahawa devian positif adalah suatu tingkah laku baik yang dibuat melepasi kemampuan norma seseorang.

D. M. Heckert (1985) dalam kajiannya, beliau telah mengklasifikasikan lima jenis tingkah laku devian positif iaitu tingkah laku inovatif, pematuhan tingkah laku, tingkah laku altruistik, tingkah laku ciri-ciri semula jadi, dan tingkah laku yang berkarisma. Jenis tingkah laku inovatif adalah sesuatu tingkah laku yang mengubahsui sesuatu perkara/ proses konservatif kepada suatu inovasi yang memudahkan proses tersebut dan keadaan ini dikenali sebagai tingkah laku devian. Pematuhan tingkah laku adalah seseorang individu yang mencapai tahap tingkah laku ideal sesuatu masyarakat atau kumpulan. Tingkah laku altruistik adalah tingkah laku yang melakukan sesuatu tindakan secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran daripada tindakan tersebut. Tingkah laku ciri-ciri semula jadi adalah termasuk wanita yang cantik, atlit, pelakon bintang filem dan para cendekiawan merupakan mereka yang tergolong dalam kategori di mana mereka berbeza dari norma secara semula jadi. Manakala tingkah laku berkarisma adalah seperti Gandhi, Jesus dan para

ketua agama yang mempunyai ciri-ciri berkarisma dan mampu bertindak dengan pantas terhadap mereka yang mempunyai keperluan untuk dipenuhi.

Tingkah laku devian positif juga dikenali sebagai tingkah laku yang sengaja menyimpang daripada norma sesuatu kumpulan dalam cara yang mulia (Spreitzer & Sonenshein, 2003). Berdasarkan definisi Spreitzer dan Sonenshein (2003; 2004), devian positif perlulah memenuhi beberapa ciri-ciri tertentu untuk ia dilabelkan sebagai tingkah laku devian positif iaitu ia mestilah merupakan suatu tindakan secara sukarela, sesuatu tingkah laku yang disengajakan dan bukan secara tidak sengaja serta ia harus mempunyai perbezaan yang amat ketara berbanding dengan norma sedia ada. Dengan definisi tersebut, maka sesuatu tindakan yang memenuhi ciri-ciri tersebut bolehlah diklasifikasikan sebagai tingkah laku devian positif.

2.2.2. Devian Bersifat Negatif

Tingkah laku devian yang bersifat negatif pula adalah suatu tindakan yang gagal mematuhi sesuatu norma yang mana ia membawa persepsi negatif oleh sesuatu kelompok masyarakat (A. Heckert & Heckert, 2002). Tingkah laku devian yang berbentuk negatif ini sering kali terlibat dengan pelanggaran peraturan atau undang-undang yang menyebabkan pelaku dilabelkan sebagai penjenayah (Adler & Adler, 2011).

Paternoster Raymond dan Charles R. Tittle (2000) telah memberi suatu definisi yang khusus iaitu tingkah laku devian negatif adalah sejenis tingkah laku atau keadaan yang dianggap oleh suatu kumpulan majoriti sebagai suatu tindakan yang tidak boleh diterima dan ia membangkit respons negatif oleh kumpulan majoriti. Ia bukan sahaja

setakat tingkah laku negatif tetapi termasuk juga apa jua tindakan yang membangkitkan atau membawa respons negatif oleh kumpulan majoriti tersebut.

Manakala Adler dan Adler (2011) pula menyatakan bahawa mana-mana individu boleh dilabelkan sebagai devian melalui sikap, tingkah laku dan situasi seseorang individu yang membawa implikasi negatif kepada kumpulan tertentu. Walaupun sesuatu norma tersebut tidak adil tetapi telah diadaptasi dan diterima oleh sekumpulan manusia, maka individu yang melakukan tindakan bertentangan dengan norma berkenaan akan dianggap sebagai tindakan devian negatif. Selain itu sebagai tambahan, McCaghy, Capron, Jamieson dan Harley Carey (2007) menyatakan bahawa tindakan mana yang dianggap sebagai salah di sisi undang-undang atau melanggar mana-mana peraturan di mana ia melibatkan hukuman maka ia dianggap sebagai suatu tindakan devian negatif.

Secara amnya, A. Heckert dan Heckert (2002) dalam karyanya menyatakan bahawa tingkah laku devian adalah suatu tingkah laku yang kompleks untuk diadili sama ada ia negatif atau sebaliknya dan ia bergantung kepada norma sesuatu tempat. Oleh yang demikian, tingkah laku devian negatif adalah suatu tingkah laku yang melanggar norma sesuatu kumpulan masyarakat dan ia menghasilkan suatu tindakan/kesan negatif atau mewujudkan suatu perspektif negatif maka ia dikenali sebagai tingkah laku devian negatif.

2.3. Perbezaan Tingkah Laku Devian dan Jenayah

Kebanyakan orang mentafsirkan tingkah laku devian adalah tingkah laku jenayah. Malahan ada di kalangan masyarakat melabel pelaku tingkah laku devian sebagai penjenayah. Pelabelan tingkah laku jenayah berbeza mengikut sesuatu

golongan komuniti dan peraturannya (Stern, 2006). Menurut Vivien Stern (2006), jenayah didefinisikan sebagai suatu tingkah laku yang dianggap jenayah oleh mana-mana peraturan sebagai contoh mencuri, merogol, membunuh dan sebagainya. McGuire (2004) pula menyatakan bahawa, tingkah laku jenayah adalah suatu tingkah laku yang melibatkan prosiding jenayah yang berkemungkinan disabitkan sebagai jenayah. Ia juga sesuatu prosiding yang keputusannya disabit sebagai jenayah sekiranya prosiding tersebut mempunyai kriteria-kriteria yang mensyaratkannya sebagai jenayah di dalam sesuatu undang-undang.

Tingkah laku jenayah juga di definisikan sebagai suatu tingkah laku yang melanggar undang-undang atau sesuatu peraturan yang mempunyai tindakan hukuman dan ia dikendalikan oleh pihak penguat kuasa undang-undang (Law Commission of Canada, 2004). Selain itu, Ortiz de Urbina dan Ogus (2009) mentakrifkan tingkah laku jenayah secara pandangan undang-undang adalah, suatu tingkah laku yang dihukum melalui undang-undang jenayah.

Tingkah laku devian pula adalah suatu tingkah laku yang melanggar sesuatu norma atau peraturan (A. Heckert & Heckert, 2002; Raymond & Tittle, 2000; Spreitzer & Sonenshein, 2004) yang tidak semestinya disabitkan atau di hukum di mahkamah (Fulcher & Scott, 2003). Apabila melihat kepada penerangan-penerangan yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, penyelidik mendapati tingkah laku devian dan tingkah laku jenayah mempunyai beberapa perbezaan yang ketara.

Di antara perbezaan yang dapat dikenal pasti adalah tingkah laku devian merupakan suatu tingkah laku yang melanggar norma sesuatu kumpulan (A. Heckert & Heckert, 2002; Raymond & Tittle, 2000; Spreitzer & Sonenshein, 2004) dan tindakan jenayah pula adalah tindakan yang melanggar undang-undang yang boleh disabitkan di mahkamah (Czabanski, 2008; Fulcher & Scott, 2003). Agen kawalan bagi

tingkah laku devian lebih kepada tekanan masyarakat atau sesuatu kumpulan (Becker, 1997; A. Heckert & Heckert, 2002; Hirschi, 2001; McCaghy et al., 2007) dan bagi tingkah laku jenayah adalah pihak berkuasa dan badan kehakiman (McCaghy et al., 2007; McGuire, 2004). Selain itu juga, tingkah laku devian boleh diklasifikasikan sebagai pelaku jenayah atau bukan jenayah (Fulcher & Scott, 2003) manakala tingkah laku jenayah adalah diklasifikasikan sebagai pelaku/tindakan jenayah (Czabanski, 2008; Fulcher & Scott, 2003).

2.4. Tingkah Laku Devian dan Etnik

Bangsa adalah suatu binaan sosial yang melibatkan sekumpulan orang yang berdasarkan ciri-ciri fizikal luaran. Ia sering dianggap sebagai proksi bagi budaya, sejarah, agama, atau lain-lain ciri-ciri sosial (Manly, 2006). Etnik pula ditakrifkan sebagai pengenalan kepada sesuatu kumpulan kebudayaan, linguistik atau negara asal, keturunan yang berkongsi simbol dan amalan budaya, diet, agama, nilai dan norma-norma sosial (Cornell & Hartmann, 2007; Hamby, 2015). Bagi maksud kajian ini penyelidik memilih untuk menggunakan terma etnik sebagai rujukan kepada suatu kumpulan masyarakat yang mempunyai kebudayaan, linguistik atau negara asal, amalan budaya, nilai dan ciri-ciri norma sosial yang sama.

Pengkaji kriminologi beranggapan bahawa kaitan demografi etnik memainkan peranan yang besar dalam sesuatu tingkah laku devian (Sung Joon, 2002). Terdapat beberapa penyelidik yang telah mengeksplorasi hubungan kait di antara teori ikatan sosial dan salah laku pelajar khususnya etnik minoriti (Jang, 2002). Booth, Farrell dan Varano (2008) menyatakan bahawa pelajar yang lemah dari segi ikatan/ hubungan

terhadap sekolah kerap dikaitkan dengan penglibatan tingkah laku devian yang mana dapatan ini mengukuhkan pernyataan Jang (2002).

Kajian mengenai etnik minoriti yang telah dijalankan di luar negara seperti di Amerika menunjukkan etnik minoritinya mempunyai keterlibatan yang tinggi terhadap tingkah laku devian dan jenayah (Kubrin & Wadsworth, 2003; Steffensmeier, Ulmer, Feldmeyer, & Harris, 2010). Di antara punca yang menyebabkan keadaan ini, dapat diteliti melalui beberapa kajian yang menyatakan bahawa etnik minoriti adalah komuniti yang sering kali dikategorikan/ dihubungkan dengan kemiskinan (Hipp & Yates, 2011), pengangguran, keluarga bermasalah, jenayah, dipinggirkan dan diskriminasi (Hagan & Peterson, 1995; Sampson & Raudenbush, 1999; Steffensmeier et al., 2010; Ulmer, Harris, & Steffensmeier, 2012).

Keadaan ini menyebabkan kumpulan etnik minoriti mengalami senario pengasingan secara sosial dan sumber/ keperluan asas (Hipp & Yates, 2011; M. R. Lee, 2000). Pengasingan ini boleh menyebabkan faktor yang mendorong mereka untuk terlibat dengan tingkah laku sedemikian (Anderson, 2000). Dengan keadaan faktor persekitaran sosial yang serba kekurangan ini boleh menyebabkan kumpulan etnik minoriti mempunyai kebarangkalian yang tinggi terhadap ikatan/ hubungan yang lemah dan sekali gus menyumbang kepada peningkatan tingkah laku devian atau jenayah yang tinggi (Peguero, Popp, Latimore, Shekarkhar, & Koo, 2011).

Penglibatan pelajar dalam tingkah laku devian dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan, nilai moral, tahap penglibatan sosial dan pematuhan kepada pihak berkuasa. Pengaruh faktor seperti di atas berbeza mengikut etnik dan sebahagian mereka mempunyai kelemahan dalam menguasai faktor tersebut (Sung Joon, 2002). Hubungan dan komitmen yang tinggi dapat mengurangkan penglibatan pelajar terhadap tingkah laku devian. Walau bagaimanapun, keadaan ini berbeza bagi pelajar